

Tarikh Dibaca: 26 JULAI 2024M | 20 Muharram 1446H



KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“PAHLAWAN NEGARA DIREDAI DAN
PERJUANGAN DIWARISI”***

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

“PAHLAWAN NEGARA DIREDAI DAN PERJUANGAN DIWARISI”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : الَّذِينَ إِنْ مَكَنَّهَمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ
وَعَاتُوا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ
الْأُمُورِ ﴿٤١﴾¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberi kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat.

¹ Al- Hajj : 41

² Ali-Imran: 102



Bersempena Hari Pahlawan Peringkat Negeri Selangor Tahun 2024, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk **"PAHLAWAN NEGARA DIREDAI DAN PERJUANGAN DIWARISI"**.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Hari Pahlawan Negara berlaku pada tarikh 31 Julai setiap tahun. Pengisytiharan ini dibuat sempena tamatnya zaman darurat yang menakutkan rakyat bagi menghapuskan kegiatan jahat dan zalim komunis pada tahun 1960. Sambutan Hari Pahlawan Negara ini sebagai usaha dan doa rakyat dalam mengenang jasa pejuang dan perwira yang terkorban dan mati syahid dalam mempertahankan kesucian agama Islam, kemuliaan bangsa dan kedaulatan Negara. Semua warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan anggota keselamatan lain yang sedang dan telah menabur jasa, khidmat bakti dan melindungi Negara adalah perwira dan pahlawan negara yang wajar kita hargai dan didoakan kebaikan untuk mereka.

Kita hendaklah ingat dan kenang akan sejarah perjuangan pahlawan tanah air yang telah memperjuangkan kemerdekaan negara daripada cengkaman musuh dan penjajah. Tidak dilupakan pahlawan negara adalah juga dalam kalangan raja-raja melayu, para cendekiawan, para ulama, tuan-tuan guru dan anak-anak murid mereka yang membangkitkan semangat jihad menentang penjajahan. Penjajah ketika itu bersikap menzalimi penduduk, menghina agama Islam dan mencuri hasil kekayaan negara. Perjuangan ini adalah jihad yang diiktiraf oleh agama Islam kerana mempertahankan kedaulatan negara dan menjaga kemuliaan agama Islam..

Pahlawan Negara telah mewariskan negara kepada generasi sekarang untuk dijaga dengan sebaiknya. Kita hendaklah sentiasa



bersedia memelihara dan mengekalkan kemerdekaan negara. Kita sama-sama bertanggungjawab mempertahankan negara daripada diceroboh oleh mana-mana pihak yang berniat menghancurkan negara.

Jauhkan sikap mementingkan diri sendiri dengan menuruti hawa nafsu yang tamak dengan pengumpulan harta kekayaan sendiri sehingga lalai dalam mempertahankan negara akhirnya negara ditadbir dan dikuasai oleh pihak musuh. Hindarilah sikap individualistik yang mengikut nafsu dengki dengan berebut jawatan dan merampas hak orang lain untuk kepuasan diri semata-mata akhirnya leka tentang musuh di depan mata.

Hadirin jumaat yang dikasihi Allah SWT,

Pejuang dahulu tidak takut menanggung risiko tinggi dalam perjuangan demi mempertahankan agama, bangsa dan negara. Mereka adalah pejuang yang berjiwa kental dan mempunyai semangat jati diri yang tinggi untuk membebaskan negara dari cengkaman musuh. Liku, cabaran, perit jerih terbayar dengan kemerdekaan negara yang diwarisi sehingga kini. Kita merasa terhutang budi kepada pahlawan negara dan hendaklah kita kenang selama-lamanya. Jasa dan pengorbanan serta semangat patriotism pahlawan negara menjadi kebanggaan negara dan teladan kepada kita semua.

Negara perlu pahlawan yang semangat dan pemikiran baru yang dapat mengekalkan keamanan negara. Negara perlu pahlawan hari ini yang bertaqwa, beriman dan bertawakal. Pahlawan hari ini hendaklah berkeyakinan sama dengan pahlawan silam bahawa mempertahankan kedaulatan negara bukan kerana kebolehan dan kehandalan sahaja tetapi kerana bantuan dan pertolongan Allah SWT. Allah SWT telah memberikan panduan melalui firman-Nya, ayat 160 surah Ali Imran:



إِنْ يَنْصُرْكُمُ اللَّهُ فَلَا غَالِبَ لَكُمْ وَإِنْ يَخْذُلْكُمْ فَمَنْ ذَا الَّذِي يَنْصُرْكُمْ مِنْ بَعْدِهِ وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ

"Jika Allah menolong kamu mencapai kemenangan maka tidak ada sesiapa pun yang akan dapat mengalahkan kamu; dan jika Ia mengalahkan kamu, maka siapakah yang akan dapat menolong kamu sesudah Allah (menetapkan yang demikian)? Dan (ingatlah), kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman itu berserah diri."

Disamping itu, sebagai rakyat, kita tidak boleh leka dengan hiburan yang melalaikan, fahaman sesat dan gaya hidup bebas sehingga lupa kepada tanggungjawab bersama mempertahankan negara. Allah SWT telah memberi peringatan kepada kita melalui firman-Nya ayat 32, surah Al-An'am bermaksud :

"Dan tidak (dinamakan) kehidupan dunia melainkan permainan yang sia-sia dan hiburan yang melalaikan; dan demi sesungguhnya negeri akhirat itu lebih baik bagi orang yang bertaqwa. Oleh itu, tidakkah kamu mahu berfikir."

Nyatalah, nikmat aman dan merdeka yang dikecapi kini perlu dipertahankan oleh anggota keselamatan dan rakyat semua. Kemerdekaan bukanlah mudah untuk diperolehi. Perjuangan menuntut kemerdekaan dan mempertahankannya terpaksa melalui ranjau penuh duri dalam tempoh yang amat panjang. Justeru, semangat pengorbanan para pahlawan lalu perlu dijadikan jiwa dan inspirasi generasi merdeka bagi menghadapi cabaran mendatang demi mengekalkan maruah dan kedaulatan negara tercinta.



Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

المُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ
الضَّعِيفِ ، وَفِي كُلِّ خَيْرٍ .

"Orang mukmin yang kuat itu lebih baik dan lebih disukai oleh Allah daripada orang mukmin yang lemah. Namun, pada setiap mereka itu adalah baik (yakni kerana berkongsi keimanan yang sama)".

(Riwayat Muslim).

Hadirin jumaat yang dikasihi Allah SWT,

Pengorbanan pahlawan negara yang mempertahankan kedaulatan dan keamanan negara perlu sentiasa diingat bagi mengelak penjajahan dan pencerobohan berulang. Dengan perubahan masa, negara kini berhadapan dengan pelbagai ancaman musuh baharu. Peristiwa hitam pencerobohan pengganas Sulu di Lahad Datu pada tahun 2013 mengorbankan sejumlah pahlawan negara masih diingat. Mereka gugur dalam medan pertempuran mempertahankan kedaulatan negara daripada anasir-anasir musuh.

Oleh itu, jangan kita sia-siakan pengorbanan pahlawan negara. Usah benarkan agenda musuh-musuh mahu merosakkan negara. Keselamatan dan keamanan hendaklah terus dipertahankan demi masa depan Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat. Khidmat bakti dan pengorbanan mereka seharusnya dijadikan inspirasi dan semangat bagi generasi hari ini dan akan datang untuk memahami apa yang telah diperjuangkan. Sesungguhnya perit jerih para pejuang tanah air suatu ketika dahulu telah membentuk keamanan Malaysia hingga hari ini.



Nikmat keamanan ini hendaklah dikekalkan. Semua pemimpin bertanggungjawab mengekalkan keamanan ini. Semua pemimpin hendaklah berusaha menyatukan rakyat bukan memecahbelahkan rakyat. Provokasi dan pemecah belah masyarakat perlu dihindari. Budaya memfitnah, membenci dan menghasut hendaklah dijauhi. Pada masa sekarang, adalah amat penting untuk kita bersama-sama berusaha keras menyemai semangat hormat-menghormati, bertolak-ansur dan saling bekerjasama mengekalkan kedaulatan dan keamanan negara.

Kita hendaklah sedar dan jangan lupa bahawa anggota keselamatan terpaksa bersengkang mata, terpaksa berpanas berhujan, meredah hutan belantara dan lautan luas dalam memastikan kita berasa selamat dan hidup dalam keadaan aman. Ada dikalangan kita yang lupa dan tidak ambil peduli nikmat aman yang dikecapi sekarang adalah hasil jerih dan kepayahan pahlawan negara yang sanggup berkorban nyawa sehingga ke titisan darah terakhir. Mereka wariskan semangat perjuangan mereka untuk kita semua.

Pahlawan Negara merasakan amat penting generasi sekarang memahami keamanan. Apatah lagi pahlawan negara cukup terkesan dalam hati akan makna keamanan. Mereka pernah hidup sebelum kemerdekaan dengan penindasan dan penahanan yang dilakukan oleh pihak penjajah. Kita hendaklah sentiasa ingat dan sedar akan liku-liku dan pahit maung perjuangan mereka untuk mengekalkan keamanan. Jika kita lupa dan tidak menghargai akan pengorbanan pahlawan negara, maka sejarah dijajah dan dihina berulang semula kerana kita tidak berusaha bersungguh-sungguh untuk mempertahankan kedaulatan negara dan tidak menyayangi negara sepenuh hati.

Hadirin jumaat yang dikasihi Allah SWT,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran daripada khutbah ini untuk dijadikan panduan dalam hidup kita iaitu:

1. Umat Islam hendaklah sedar bahawa perjuangan pahlawan negara membebaskan dan mempertahankan tanah air adalah usaha jihad yang diredai oleh Allah SWT.

2. Umat Islam hendaklah sentiasa bersatu padu dan bersiap sedia dengan segala kekuatan bagi menghadapi penjajahan pemikiran, ekonomi, teknologi dan budaya agar kemakmuran dan kemerdekaan negara terus terpelihara.

3. Umat Islam hendaklah yakin dengan janji Allah SWT bahawa keamanan dan kedaulatan negara di bawah pengawasan dan pertolongan Allah SWT jika kita semua terus mengabdikan diri sebagai hamba kepada Allah SWT dan tidak melakukan syirik kepada-Nya

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ
فِي الْأَرْضِ كَمَا اسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ
الَّذِي ارْتَضَى لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُمْ مِّنْ بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا يَعْبُدُونَنِي لَا
يُشْرِكُونَ بِي شَيْئًا وَمَنْ كَفَرَ بَعْدَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٥٥﴾

"Allah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari kalanganmu (wahai umat Muhammad) bahawa ia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana ia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka:



khalifah-khalifah yang berkuasa, dan ia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredai-Nya untuk mereka, dan ia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). Mereka terus beribadat kepada-Ku dengan tidak mempersekutukan sesuatu yang lain dengan-Ku. Dan (ingatlah) sesiapa yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang derhaka. "

(Surah al-Nur : 55)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ
وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ اصْلِحْ أُمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَوُلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ



اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونِ، تَعَكُّوْا أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! kami berlindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, dari buruknya takdir dan dari kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan-Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri kami dari datangnya bencana dan malapetaka. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan umat Islam dan Masjid Al Aqsa di Palestin.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾
رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.